



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 24  
Bil. 26

18hb Disember 1980

TAMBAHAN No. 15  
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 40.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (RUMAH BANTAI PERBANDARAN)

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 73 (e) <sup>Akta 171.</sup> Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihakberkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang kecil seperti berikut:

1. Undang-Undang kecil ini bolehlah dinamakan sebagai <sup>Nama.</sup> Undang-Undang Kecil (Rumah Bantai Perbandaran) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1980.

2. Dalam Undang-Undang kecil ini kecuali melainkan jika <sup>Tafsiran.</sup> kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Rumah Bantai” ertinya rumah sembelih yang ditubuhkan, diselenggara, dikawal dan dikendalikan oleh Majlis;

“binatang” ertinya lembu kerbau, kambing biri-biri, kambing, babi, ayam itik dan semua binatang lain yang memamah biak;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis dan termasuk timbalannya;

“Penguasa” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan tugas Pengarah Perkhidmatan Haiwan Majlis dan termasuk timbalannya;

“Pegawai Haiwan” ertinya Doktor Kanan Haiwan Majlis dan termasuk Penolong Doktor Haiwan serta Pembantu Haiwan atau Merinyu Daging.

Waktu  
Penyem-  
belihan dan  
Bayaran.

3. (1) Dari masa ke semasa Majlis bolehlah menetapkan—
- (i) waktu-waktu apabila binatang yang hendak disembelih itu boleh dibenarkan masuk ke Rumah Bantai;
  - (ii) waktu-waktu apabila binatang boleh disembelih di Rumah Bantai;
  - (iii) Bayaran yang akan dikenakan di Rumah Bantai.

(2) Dalam kes yang istimewa, Yang di-Pertua, apabila permohonan dibuat kepadanya, bolehlah mengubah waktu untuk membenarkan masuk binatang dan penyembelihan di Rumah Bantai.

(3) Penguasa bolehlah membenarkan binatang masuk dan/atau disembelih di Rumah Bantai pada waktu-waktu selain daripada yang ditetapkan oleh Majlis atau dibenarkan oleh Yang di-Pertua dengan bayaran dua kali ganda bayaran untuk penyembelihan yang ditetapkan di bawah fasal kecil (1) (iii) Undang-Undang kecil ini.

4. Bayaran untuk penyembelihan hendaklah dibayar pada masa dibenarkan masuk binatang ke dalam Rumah Bantai dan bayaran untuk sewa kandang hendaklah dibayar tiap-tiap hari.

Membenarkan  
masuk binatang  
ke rumah  
Bantai.

5. (1) Sebarang binatang tidak dibenarkan masuk ke dalam Rumah Bantai kecuali ianya mempunyai atau dilekatkan padanya tanda pengenalan dari mana ianya boleh dikenali.

(2) Penguasa bolehlah enggan membenarkan masuk sebarang binatang ke dalam Rumah Bantai pada bila-bila masa.

(3) Pemunya atau wakilnya hendaklah membawa sebarang binatang yang hendak disembelih melalui pintu yang ditetapkan untuk binatang dari jenis itu dan bukan melalui lain-lain pintu.

(4) Apabila dibenarkan masuk ke dalam Rumah Bantai, binatang-binatang hendaklah dibawa terus ke kandang yang ditetapkan baginya dan dikurung di situ dan ianya tidak boleh dipindahkan dari situ kecuali untuk disembelih melainkan atas arahan Penguasa atau Pegawai Haiwan.

(5) Sebarang binatang yang dibenarkan masuk untuk penyembelihan tidak boleh dipindah dari Rumah Bantai kecuali dengan mendapat perlulusan Penguasa terlebih dahulu.

(6) Binatang yang dibenarkan masuk ke dalam Rumah Bantai adalah atas risiko pemunya binatang-binatang sedemikian itu sendiri.

Penyem-  
belihan binatang-  
binatang.

6. (1) Sebarang binatang tidak boleh disembelih di Rumah Bantai kecuali dan sehingga binatang tersebut telah diperiksa oleh Pegawai Haiwan.

(2) Seseorang Pegawai Haiwan boleh menghalang penyembelihan sebarang binatang atau pembersihan sebarang karkas yang berpenyakit atau, yang mana oleh kerana kurus, tak layak pada pendapatnya untuk makanan manusia.

(3) Seseorang Pegawai Haiwan boleh mengarahkan supaya mana binatang yang sedemikian itu dipindahkan dengan sertamerta untuk pemerhatian dan rawatan ataupun untuk dimusnahkan.

(4) Di mana seseorang Pegawai Haiwan mengarahkan supaya seseekor binatang itu dipindah dan ditahan untuk pemerhatian dan rawatan, adalah berhak baginya untuk mengarahkan pemunya binatang itu supaya menyediakan makanan yang secukupnya bagi binatang itu, air atau tempat tidur atas kos ataupun perbelanjaan

pemunya itu sendiri. Sesiapa yang lalai atau enggan menjalankan mana-mana arahan yang sedemikian itu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini dan boleh dikenakan denda sebanyak seratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kemungkiran itu diteruskan.

(5) Karkas serta 'offal' sebarang binatang yang dibunuh berikutan dari arahan seseorang Pegawai Haiwan dan sebarang karkas berpenyakit yang lain hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang akan diarahkan olehnya.

7. Sebarang binatang tidak boleh dipindahkan dari kandang ke dalam bilik sembelih melainkan pemunya atau wakilnya hadir untuk menerima karkas itu.

8. (1) Binatang-binatang hendaklah disembelih, dikuliti (atau dicelur dan dikikis) serta dibersihkan oleh pekerja-pekerja Majlis.

(2) Penguasa bolehlah membenarkan seseorang pemunya seseorang binatang itu memilih supaya binatang itu disembelih oleh pekerja-pekerjanya sendiri dengan membayar satu bayaran kepada Majlis sebagaimana yang akan kena dibayar sekiranya binatang sedemikian itu disembelih oleh pekerja-pekerja Majlis.

(3) Pemunya-pemunya yang memilih supaya binatang-binatang mereka itu disembelih oleh pekerja-pekerja mereka sendiri hendaklah menyediakan perkakas mereka sendiri, pisau dan juga bekas-bekas, tetapi dari segi-segi yang lain hendaklah mengikut syarat-syarat yang sama seperti pemunya-pemunya lain.

9. Pemilik atau wakilnya tidak boleh masuk ke dalam kawasan-kawasan "Menikam" dan "Pendarahan" Rumah Bantai kecuali dengan persetujuan Penguasa atau Pegawai Haiwan terlebih dahulu.

10. Darah dari binatang-binatang yang disembelih di Rumah Bantai adalah menjadi harta Majlis dan boleh dilupuskan dengan cara yang dianggap wajar oleh Majlis.

11. (1) Karkas atau sebahagian dari karkas sebarang binatang yang disembelih di Rumah Bantai hendaklah diserahkan kepada pemilik atau wakilnya di dalam kawasan "Penggantungan" atau "Penyerahan" Rumah Bantai. <sup>Memindah karkas.</sup>

(2) Karkas atau sebahagian dari karkas hendaklah jangan dibawa keluar dari Rumah Bantai kecuali dan sehingga ianya diperiksa oleh Pegawai Haiwan, yang mana, jika ia berpuas hati bahawa karkas itu layak untuk makanan manusia, hendaklah mengecap tanda Rumah Bantai Perbandaran di atas karkas itu untuk menunjukkan bahawa binatang itu telah disembelih di Rumah Bantai.

(3) Selepas tanda Rumah Bantai Perbandaran dicap di atas karkas itu, pemunya karkas atau wakilnya hendaklah, semasa waktu bekerja biasa, memindahkan dengan segera karkas itu bersama-sama dengan kulit, tanduk, kukur dan 'offal' binatang itu.

(4) Sesiapapun tidak boleh menyuntik sebarang cecair ke dalam sebarang karkas atau bahagian karkas.

(5) Sesiapapun tidak boleh memindah atau memotong mana-mana bahagian karkas, atau mengganti mana-mana bahagian karkas dengan bahagian karkas yang lain untuk menunjukkan bahawa karkas itu tidak mengidap penyakit. Karkas yang mana

bahagiannya tidak ada atau dipotong semasa diperiksa sebelum dicap tanda Rumah Bantai Perbandaran akan dianggap sebagai tak layak untuk makanan manusia.

(6) Di mana Penguasa atau seseorang Pegawai Haiwan berpuashati bahawa karkas atau sebahagian dari karkas itu tak layak untuk makanan manusia atau di mana karkas atau sebahagian dari karkas itu dianggap tak layak untuk makanan manusia, ia bolehlah mengarahkan supaya karkas itu atau sebahagian darinya dimusnahkan atau dilupuskan mengikut cara yang difikirkannya patut.

(7) Sesiapapun tidak boleh membawa sebarang karkas dari satu bahagian Rumah Bantai itu ke satu bahagian lain.

(8) Sesiapapun tidak boleh mengeluarkan karkas dari Rumah Bantai itu melalui mana-mana pintu kecuali pintu yang ditetapkan untuk jenis karkas itu.

(9) Sesiapapun tidak boleh mengeluarkan mana-mana karkas dari Rumah Bantai itu kecuali karkas itu ditempatkan di dalam sebuah bekas yang bersih yang rekabentuknya diluluskan oleh Penguasa dan ditutupkan dengan sempurna.

(10) Sesiapapun tidak boleh mengeluarkan dari Rumah Bantai itu sebarang karkas dan membawanya di sepanjang ataupun melalui sebarang jalan ke tempat-tempat jualan kecuali di dalam bekas-bekas yang diluluskan di bawah perenggan kecil 11 (9), atau, dalam kenderaan-kenderaan yang disediakan untuk maksud demikian oleh Majlis.

(11) Majlis boleh dari masa ke semasa menetapkan bayaran yang kena dibayar kepada Majlis untuk membawa tiap-tiap karkas dari Rumah Bantai ke tempat jualan dalam kenderaan-kenderaan yang disediakan oleh Majlis.

Tatatertib  
dalam Rumah  
Bantai.

13. (1) Tiap-tiap orang yang dibenarkan masuk ke Rumah Bantai—

- (i) hendaklah mematuhi segala arahan yang diberi secara sah oleh Penguasa atau seorang Pegawai Haiwan;
- (ii) tidak boleh menggunakan sebarang bahasa atau isyarat yang pada pendapat Penguasa adalah lucah, kesat, menimbulkan kemarahan atau mencacikan;
- (iii) tidak boleh berlawan, berkelahi atau berkelakuan secara yang mengganggu ketenteraman;
- (iv) tidak boleh mengeratkan sebarang karkas.

(2) Penguasa bolehlah menyingkirkan atau menyebabkan disingkirkan dari Rumah Bantai itu sesiapapun juapun yang melanggar undang-undang kecil ini.

14. (1) Sesiapapun yang

- (i) bukan pemunya ataupun wakil pemunya binatang, atau
- (ii) kurang dari 15 tahun umurnya (kecuali dalam sesuatu kes tertentu yang Penguasa boleh membenarkan), atau
- (iii) mengidap sesuatu penyakit kulit ataupun dianggap tidak sihat dari segi perubatan, tidak boleh memasuki ataupun dibenarkan masuk ke dalam Rumah Bantai.

(2) Sesiapapun tidak boleh membawa masuk sebarang anjing ke dalam Rumah Bantai.

15. Sesiapa yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peraturan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, di mana penalti lain yang khas tidak diperuntukkan, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya. Penalti.

16. "By-laws With Respect to the Municipal Abattoir" yang dibuat oleh Perbandaran George Town Pulau Pinang dengan ini adalah dimansuhkan. P.G. No. 7340 bertarih 23-10-47. P.G. No. 8129 bertarih 4-12-47.

Bertarih 14hb Februari, 1980

DATUK MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Pulau Pinang*

Disahkan pada 8hb November, 1980  
[PSUK/PP/16881/Bah. 21; R. 50/8/7-1 (V;  
PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pulau Pinang*